

# PM lawat pangkalan TLDM Lumut 3 Oktober

LUMUT, Ahad — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka melawat Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini, 3 Oktober depan.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan akan diberi taklimat oleh para pegawai kanan kementerian terutama dari segi pembangunan TLDM yang menelan belanja \$1.2 billion.

Lawatan beliau ke pangkalan itu adalah yang pertama sejak memegang portfolio pertahanan.

Adalah difahamkan lawatan itu dianggap penting kerana beliau ingin mengetahui kemajuan pembangunan pangkalan itu.

Pangkalan tersebut yang dijangka siap akhir tahun 1984 atau awal tahun 1985, mempunyai segala kemudahan yang diperlukan oleh TLDM termasuk tempat kediaman, pusat latihan, pelabuhan operasi dan limbungan bagi kerja-kerja penyelenggaraan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia